



**PENGIRAN ADNAN BIN HAJI ABBAS** (Haji) (Allahyarham)

atau dikenali dengan nama penanya sebagai Seri Nanti, dilahirkan pada 30 Mac 1939, di Kampung Buang Sayang, Papar, Sabah dan kembali ke rahmahtullah pada 10 November 1992. Selain menggunakan nama pena Seri Nanti, beliau juga sering menggunakan nama samaran lain seperti Pusa Noba dan Teruna Merantau. Beliau mendapat pendidikan awal di Government Primary School di Papar, kemudian melanjutkan pelajaran di Sekolah Latihan Pertanian di Tuaran. Beliau yang tidak pernah berputus asa mulai belajar sendiri sehingga lulus peperiksaan Malaysian Certificate Examination (MCE). Beliau mula berkecimpung dalam dunia penulisan pada

tahun 1956 dalam genre puisi, cerpen, skrip drama, esei kritikan sastera dan berita. Ketajaman pena beliau, telah berjaya menghasilkan 130 buah sajak yang pernah tersiar di akhbar-akbar tempatan, majalah dan antologi puisi bersama seperti antologi *Kinabalu Mencakar Langit* (1970), *Dari Pulau ke Pulau* (1972), *Gema Teluk Kimanis* (1970), *Titian Rindu* (1982), *Kekasih* (1988) dan *Ujana Luat Ujana Hati* (1989). Haji Pengiran Adnan bin Haji Abbas merupakan antara penulis prolifik tahun 50-an yang banyak berjasa kepada perkembangan dunia kesusasteraan di negeri Sabah. Mengenang jasa dan bakti beliau itu, pada tahun 1994 beliau telah dinobatkan sebagai penerima pertama anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah apabila anugerah tersebut diperkenalkan sempena Malam Pengucapan Puisi Islam Sabah (juga dikenali sebagai Mahrajan Sastera Islam Sabah).